

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 3 November 2020 12:13 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KOLABORASI PENYELIDIK UUM DAN NCIA RANCAKKAN EKONOMI NEGERI KEDAH



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 NOVEMBER 2020 / 17 RABIULAWAL 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Farhan Ismail
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KOLABORASI PENYELIDIK UUM DAN NCIA RANCAKKAN EKONOMI NEGERI KEDAH



UUM ONLINE: Kolaborasi penyelidik UUM dan NCIA berupaya membantu meningkatkan ekonomi negeri kedah.

Taklimat dan peluang untuk berkolaborasi antara penyelidik UUM dan NCIA berlangsung di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen, UUM.

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) berkata, taklimat ini bertujuan memberi peluang dan potensi untuk bekerjasama antara UUM dan NCIA dalam pelbagai bidang.

Beliau menyampaikan aluan dan taklimat berkenaan Bidang Penyelidikan yang terdapat di UUM yang boleh memberi pulang kepada penyelidik untuk berkolaborasi dengan NCIA.

“Penyelidik UUM seharusnya mengambil peluang dan tindakan proaktif dalam setiap peranan yang boleh digembling bersama NCIA selain aktif dan bijak dalam penghasilan kajian yang berkualiti dalam membantu Negeri Kedah khususnya,” ucapnya.

Beliau berharap agar UUM dapat menyediakan kertas cadangan lengkap dan akan dibentangkan semula kepada pihak NCIA pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian dalam tahun ini.

Sementara itu, Pengarah Kanan, Bahagian Pelaburan NCIA, Fajaffri Mohd Fadzil, telah membentangkan perancangan Koridor Utara atau *Northern Corridor Economic Region* (NCER) yang memberi peluang kepada UUM dalam aspek logistik dan pengurusan, bidang latihan dan pertanian dan pelbagai bentuk peluang yang boleh berkerjasama antara UUM dan NCIA.

Ujarnya, NCER merangkumi kawasan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak di mana UUM seharusnya mengambil peluang dalam bidang tertentu bagi memajukan NCER umumnya.

Hadir sama, Pengarah-Pengarah Pusat Kecemerlangan Universiti (UCOE) dan Pengarah-Pengarah Pusat Kecemerlangan Pusat Pengajian (SCOE).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.